



FUNGSI LPP



LPP memainkan tiga peranan penting dalam membangunkan dan memajukan para peladang dan anggota iaitu dari aspek **PENDAFTAR, PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN**.

Sebagai Pendaftar, LPP berperanan mendaftar, mengawal dan menyelia PP serta mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ketua Pengarah LPP ialah Pendaftar kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Pendaftar juga melantik Ketua Eksekutif bagi agensi-agensi berkaitan sebagai wakilnya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kementerian Pertanian dan Pemodenan Sarawak kecuali kuasa untuk menubuh, mendaftar, menggantung dan membubar PP.

Dalam aspek Pengurusan pula, LPP bertanggungjawab mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti di LPP dan PP seperti melantik dan menyedia anggota di LPP dan PP; melatih anggota untuk meningkatkan tahap profesionalisme; melatih para peladang dalam bidang pengurusan, teknikal, perakaunan dan perundangan; serta memberi khidmat nasihat.

LPP juga perlu memastikan tugas-tugas ini dilaksanakan dengan cara yang akan memajukan dasar Kerajaan khususnya berkaitan dengan penyusunan semula masyarakat. Ini dirancang menerusi program-program pembangunan PP dan penyaluran peruntukan pembangunan bagi memperkukuhkan aktiviti PP. Peranan ini menjurus kepada fungsi ketiga LPP iaitu Pembangunan.